

DATE: 18 / 01 / 2008

Pelantikan Ahmad Fairuz adalah keputusan sendiri – Tun Mahathir 'Saya tidak dipengaruhi'

UM - 18/1/2008

Oleh NOR ZAINAH NORDIN
dan NOOR AZMAH IBRAHIM

KUALA LUMPUR 17 Jan. – Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan pelantikan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim sebagai Presiden Mahkamah Rayuan dan Ketua Hakim Negara pada 2001 dan 2002 adalah keputusannya sendiri tanpa dipengaruhi sesiapa.

Bekas Perdana Menteri itu yang kelihatan tenang ketika memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya Siasatan Diraja di sini hari ini berkata, walaupun mendengar pandangan pelbagai pihak secara rasmi atau semasa acara sosial, keputusan akhir adalah di tangannya.

Dalam hal ini, katanya, beliau tidak perlu menjelaskan kenapa beliau membuat keputusan sedemikian ketika itu.

"Itu hak mutlak saya (sebagai Perdana Menteri) untuk membuat keputusan. Saya tidak perlu beritahu sesiapa," katanya.

Dr. Mahathir, 84, disoal oleh pegawai pengendali suruhanjaya, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Nordin Hassan mengenai urusan pelantikan hakim-hakim termasuk Ahmad Fairuz.

Beliau adalah saksi kesembilan hari keempat prosiding siasatan mengenai kesahihan rakaman klip video memaparkan Datuk V.K. Lingam berbual melalui telefon dengan seseorang yang dikatakan Ahmad Fairuz.

Bekas Perdana Menteri yang memakai sepasang sut kelabu memasuki bilik persidangan pada pukul 10.02 pagi diiringi tiga peguamnya, Tunku Sofea Jewa, Datuk Dr. Yaacob Hussein Merican dan Datuk N. Chandran serta beberapa orang pegawai polis.

Sejurus memasuki bilik persidangan, Dr. Mahathir tunduk hormat kepada panel suruhanjaya malah sempat tersenyum kepada peguam dan orang awam serta wartawan sebelum mengambil tempat di kandang saksi yang telah tersedia air mineral dan sekotak tisu.

Anak perempuan beliau, Datin Paduka Marina yang memakai baju kurung hijau berbunga coklat yang tiba pada 9.50 pagi



TUN Dr. Mahathir Mohamad melambatkan tangan kepada jurugambar dan orang awam sebelum meninggalkan Kompleks Mahkamah, Jalan Duta, Kuala Lumpur, semalam.

– Gambar HALIM KHALID

'Saya tidak dipengaruhi'

untuk mengikuti prosiding, sempat bersalaman dengan peguam pemerhati termasuk Presiden Majlis Peguam Ambiga Sreenevasan.

Pada permulaan prosiding, Tunku Sofea menyampaikan kepada Suruhanjaya Siasatan Diraja kesediaan Dr. Mahathir memberi kerjasama penuh dengan menjawab semua soalan yang dikemukakan kepadanya sebaik mungkin.

"Tun memberi jaminan menjawab semua soalan yang dikemukakan walaupun dari segi undang-undang, ia tidak relevan atau terkeluar daripada skop terma-terma rujukan suruhanjaya ini.

"Beliau mahu menjawab soalan-soalan itu walaupun peguam menasihati beliau supaya tidak menjawabnya," kata beliau.

Mendengar kenyataan Tunku Sofea, Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Haidar Mohamed Noor berkata, suruhanjaya berperanan mengawal prosiding dan mereka akan melaksanakan tugas itu sebaik-baiknya.

Pada pukul 10.06 pagi, Dr. Mahathir mengangkat sumpah dalam bahasa Melayu dengan suara yang perlahan.

Ketika 30 dokumen yang menjadi bahan bukti dikemukakan kepadanya, beliau meneliti setiap halaman sebelum mengesahkan ia adalah surat-menyurat antaranya dengan Tun Mohamed Dzaidin Abdullah berhubung pelantikan hakim-hakim pada 2001 dan 2002.

Nordin : "Sila rujuk C26. Adakah ini surat Tun Dzaidin kepada Tun berhubung pelantikan Tun Ahmad Fairuz sebagai Presiden Mahkamah Rayuan?"

Dr. Mahathir : "Ya, saya sahkan ini surat Tun Dzaidin kepada saya."

Nordin : "Di perenggan ketiga, benarkah Tun Dzaidin mencadangkan nama Tun Ahmad Fairuz dilantik sebagai Presiden Mahkamah Rayuan?"

Dr. Mahathir : "Benar."

Nordin : "Sila rujuk C27. Boleh sahkan ini adalah surat Tun kepada Tun Dzaidin?"

Dr. Mahathir : "Ya, saya sahkan."

Nordin : "Di perenggan kedua, adakah Tun meyuatkan persetujuan dengan cadangan Tun Dzaidin melantik Tun Ahmad Fairuz sebagai Presiden Mahkamah Rayuan?"

Dr. Mahathir : "Ya, saya bersetuju."

Nordin : "Adakah Tun dipengaruhi mana-mana pihak untuk melantik Tun Ahmad Fairuz sebagai Presiden Mahkamah Rayuan?"

Dr. Mahathir : "Dalam membuat persetujuan, saya mendengar percakapan orang walaupun saya tak minta pandangan mereka. Tetapi dalam perbualan dan perjumpaan sosial, ada orang bercakap dan saya ambil kira. Keputusan akhir adalah keputusan saya sendiri."

Nordin : "Adakah Tun dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam pelantikan Tun Ahmad Fairuz sebagai Ketua Hakim Negara?"

Dr. Mahathir : "Tidak secara khusus tetapi saya memang dengar pandangan-pandangan secara tidak rasmi dalam perbualan saya atau ada acara sosial. Saya ambil kira pandangan ini. Tapi keputusan akhir adalah keputusan saya sendiri."

Melihat

Ketika disoal Nordin sama ada beliau pernah melihat klip video rakaman perbualan telefon mengenai pelantikan hakim-hakim, Dr. Mahathir berkata, beliau menontonya di televisyen.

Nordin kemudian meminta bekas Perdana Menteri melihat transkrip perbualan dalam klip video terbabit ketika menjawab soalan-soalan seterusnya.

Nordin : "Dalam transkrip itu, terdapat kata-kata "...Tentang memo kita, saya dah bincang dengan Tun Eusoff Chin dan kami telah hantar memo itu kepada PM (Perdana Menteri)..." Adakah Tun ada terima apa-apa memo daripada Tun Eusoff Chin dan Lingam mengenai pelantikan hakim-hakim?"

Dr. Mahathir : "Saya tak ingat terima apa-apa memo daripada Datuk V.K. Lingam tapi sebagai Perdana Menteri, saya ada terima surat daripada Tun Eusoff Chin walaupun saya tak ingat."

Nordin : "Menurut Lingam (dalam klip video itu) Tun Dzaidin mencadangkan lima nama dan dua nama ditolak. Adakah benar Zainuddin Ismail ditolak kerana dia pertikaikan pelantikan Ahmad Fairuz dan Tan Sri Mohtar (Abdullah)?"

Dr. Mahathir : "Saya tak sedar ada pertikaian mengenai pelantikan hakim-hakim."

Menjawab soalan Nordin sama ada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor mengatur pertemuan antara beliau dengan Ahmad Fairuz, Dr. Mahathir menjawab: "Tidak."

Beliau turut menafikan dipengaruhi oleh Tan Sri Vincent Tan dalam memutuskan pelantikan enam Hakim Mahkamah Rayuan dan ahli perniagaan itu tidak pernah bertemu atau berhubung dengannya tentang pelantikan Ahmad Fairuz sebagai Hakim Besar Malaya.

Dr. Mahathir juga menafikan beliau mengarahkan Tengku Adnan menghubungi Vincent Tan untuk berbincang setiap kali beliau (Dr. Mahathir) menerima surat daripada Dzaidin.

Beliau turut menafikan kandungan perbualan klip video yang menyebut Lingam, Tengku Adnan dan Vincent Tan menemuinya berhubung cadangan Dzaidin melantik Allahyarham Tan Sri Abdul Malek Ahmad sebagai Hakim Besar Malaya.

Kepada soalan sama ada Abdul Malek ditolak kerana beliau antibekas Perdana Menteri itu, Dr. Mahathir berkata: "Dia ditolak tetapi sebabnya bukan itu."

Persidangan suruhanjaya bersambung esok.